

Date and Time: Thursday, 4 December 2025 3:11□pm +08

Job Number: 269757623

Document (1)

1. [Pendakwa Raya Iwn Muhammad Bakruruzi bin Mohamed Rani \[2024\] MLJU 3326](#)

Client/Matter: -None-

Search Terms: "syazwan hasim"

Search Type: Natural Language

Narrowed by:

Content Type
MY Cases

Narrowed by
-None-



PENDAKWA RAYA v MUHAMMAD BAKRURUZI BIN MOHAMED RANI

CaseAnalysis
[2024] MLJU 3326

Pendakwa Raya Iwn Muhammad Bakruruzi bin Mohamed Rani [2024] MLJU 3326

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH MAJISTRET (KUALA SELANGOR)

SITI HAJAR ALI M

KES NO BJ-82D-1-1 TAHUN 2020

16 December 2024

*Nurul Sofea Jaysel (Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor) timbalan pendakwa raya.
(**Syazwan Hasim** & Azeel Eskandar) bagi pihak tertuduh.*

Siti Hajar Ali M:

ALASAN PENGHAKIMAN

PENDAHULUAN

[1] Majistret dalam kes ini telah melepaskan dan membebaskan Orang Kena Tuduh (OKT) di akhir kes pendakwaan pada 19.8.2024. Setakat tarikh alasan penghakiman ini disempurnakan, tiada notis rayuan difailkan terhadap keputusan Majistret tersebut oleh mana-mana pihak.

[2] OKT dalam kes ini telah dituduh dan minta dibicarakan sebagaimana Pertuduhan Pindaan – P1 seperti berikut:

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu pada 24/12/19 jam lebih kurang 1.15 pagi di sebuah rumah beralamat No 34 Jln Bukit Jeram, 45800 Jeram dalam Daerah Kuala Selangor Negeri Selangor telah ada dalam kawalan/milikan kamu bahan dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat: 0.83 gram dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah [Seksyen 12\(2\) Akta Dadah Berbahaya 1952](#) yang boleh dihukum di bawah [Seksyen 12\(3\)](#) akta yang sama.

Hukuman:

Barang siapa yang melanggar peruntukan subseksyen (2) Seksyen ini, adalah bersalah atau suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan jika disabitkan hendaklah didenda tidak lebih dari satu ratus ribu ringgit atau dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih dari lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu pada 24/12/19 jam lebih kurang 1.15 pagi di sebuah rumah beralamat No 34 Jln Bukit Jeram, 45800 Jeram dalam Daerah Kuala Selangor Negeri Selangor telah ada dalam kawalan/milikan kamu bahan dadah berbahaya jenis heroin dan monoacetylmorphine seberat: 0.20 gram dan dengan itu kamu telah melakukan suatu

Pendakwa Raya Iwn Muhammad Bakruruzi bin Mohamed Rani [2024] MLJU 3326

kesalahan di bawah [Seksyen 12\(2\) Akta Dadah Berbahaya 1952](#) yang boleh dihukum di bawah [Seksyen 12\(3\) akta yang sama](#).

Hukuman:

Barang siapa yang melanggar peruntukan subseksyen (2) Seksyen ini, adalah bersalah atau suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan jika disabitkan hendaklah didenda tidak lebih dari satu ratus ribu ringgit atau dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih dari lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu pada 24/12/19 jam lebih kurang 1.15 pagi di sebuah rumah beralamat No 34 Jln Bukit Jeram, 45800 Jeram dalam Daerah Kuala Selangor Negeri Selangor telah ada dalam kawalan/milikan kamu bahan dadah berbahaya jenis cannabis seberat: 0.21 gram dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah [Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952](#) yang boleh dihukum di bawah Seksyen yang sama.

Hukuman:

Denda tidak lebih dua puluh ribu ringgit atau penjara selama tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

KES PENDAKWAAN

[3] Pihak pendakwaan telah memanggil seramai lapan orang saksi pendakwaan :

- i. Inspektor Amir Noridzham (SP1) – ketua serbuan
- ii. Sarjan Mohamad Firdaus (SP2) – anggota serbuan
- iii. Zanurin Rauf (SP3) – pemilik rumah
- iv. Koperal Shaharuddin Hashim (SP4) – jurufoto
- v. Zulherni Agus Salim (SP5) – isteri tertuduh
- vi. Inspektor Mohd Azren (SP6) – pegawai penyiasat
- vii. Sarjan Izi Azuan (SP7) – anggota polis
- viii. Vanitha Kunalan (SP8) – ahli kimia

[4] Fakta ringkas kes pendakwaan adalah seperti berikut:

- a) Berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan bertindak atas maklumat risikan dadah pada 24/12/2019 jam lebih kurang 1.15 pagi, SP1 telah mengetuai pasukan yang terdiri daripada 8 anggota serbuan yang lain telah membuat serbuan di sebuah rumah No.34 Jalan Bukit Jeram, 45800 Jeram, Selangor.
- b) SP1 tidak membuat pemerhatian terhadap rumah tersebut sebelum membuat serbuan. Usai sampai di rumah tersebut, SP1 telah menahan seorang lelaki melayu (suspek B1) yang sedang berdiri di hadapan pintu bahagian sebelah kanan bahagian dapur rumah. Pemeriksaan ke atas tubuh badan B1, tidak menjumpai apa-apa barang salah dalam milikannya. SP1 mendapati pintu rumah tertutup tetapi tidak berkunci, kemudian telah masuk ke dalam rumah melalui pintu tersebut bersama anggota serbuan.
- c) SP1 selanjutnya telah menahan 1 orang lelaki melayu (suspek B2) iaitu OKT dalam kes ini yang sedang duduk di atas katil di bahagian ruang tamu rumah tersebut. Pemeriksaan badan dilakukan namun tidak menjumpai barang salah dalam milikannya.
- d) Pemeriksaan lanjut di atas katil tempat OKT duduk - tandaan X gambar d- P6 semasa ditahan sambil disaksikan oleh SP2 telah menjumpai 1 beg kecil berzip warna merah di tandaan Y gambar d- P6 yang mana di dalamnya mengandungi:
 - 1 paket plastik lutsinar berisi bahan disyaki dadah Ketamine a/b: 0.42 gram – **P8**
 - 1 paket plastik lutsinar berisi daun-daun kering disyaki dadah berbahaya jenis Ganja a/b: 0.79 gram – **P9**

- 1 paket plastik lutsinar – **P10** beserta 6 tiub straw masing-masing berisi bahan disyaki dadah Syabu a/b: 2.03 gram – **P11 (a-f)**
- e) SP1 juga telah menjumpai:
 - 2 buah telefon bimbit jenama Huawei warna biru disyaki milik OKT – P12 (a-b)
- f) SP1 kemudiannya merampas kesemua barang kes tersebut di mana Borang Bongkar – P4 telah disediakan oleh SP1 di tempat kejadian. Selanjutnya SP1 telah menangkap OKT dan suspek B1 dan membawa mereka ke IPD Kuala Selangor. Pada sepanjang masa, barang kes yang dirampas adalah di bawah jagaan kawalan dan pengetahuan SP1 dari mula dirampas sehingga dibawa ke Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik IPD Kuala Selangor untuk proses timbangan dan juga tandaan.
- g) SP1 kemudiannya telah menyediakan Borang Serah Terima – P5 bagi menyerahkan barang-barang kes dan juga OKT kepada SP6 yang merupakan Pegawai Penyiasat kes ini. SP1 juga telah membuat Laporan Polis Jeram 3730-3732/19 – P3 pada 24/12/2019 pada jam 2.30 pagi.
- h) Menurut SP4 iaitu jurufoto mereka bertiga telah pergi ke tempat kejadian pada 25/12/2019 jam lebih kurang 12 tengahari. SP4 telah merakam gambar tempat kejadian – P6 (a-d) atas arahan SP6. Selanjutnya pada hari yang sama SP4 memaklumkan telah juga mengambil gambar barang kes – P13 dan gambar telefon bimbit – P17 di Pejabat Bahagian Siasatan Narkotik IPD Kuala Selangor pada jam 2.30 petang.
- i) Menurut SP6 beliau pergi ke tempat kejadian dengan dipandu arah oleh SP1 pada 26/12/2019 untuk membuat siasatan lanjut. Selanjutnya, SP6 telah menghantar kesemua barang kes dadah ke Jabatan Kimia Malaysia pada 30/12/2019 jam 2.30 petang untuk dianalisa. Laporan kimia dan barang kes telah diambil oleh SP7 di Jabatan Kimia Petaling Jaya. Menurut SP6, ahli kimia yang menyediakan laporan kimia – P22 telah meninggal dunia yang mana disahkan melalui salinan sijil kematian – P22. Selanjutnya, laporan kimia menyatakan:-
 - 1 Paket plastic ZB- **0.20 gram heroin dan monoacetylmorphines – P8;**
 - 1 Paket plastic ZC- **0.21 gram cannabis – P9;** dan
 - 1 Paket plastic ZA1 dan 6 tiub straw ZA2-ZA7- **0.83 gram methamphetamine – P10 & P11 (a-f)**
- j) Selanjutnya, SP6 membuat siasatan berkenaan pemilikan rumah tempat kejadian dan turut merakam percakapan beberapa saksi termasuk pengadu, saksi polis dan saksi awam.
- k) Menurut keterangan SP8 yang merupakan Pengarah Bahagian Narkotik di Jabatan Kimia Petaling Jaya, beliau hadir bagi memberikan keterangan berkenaan laporan kimia – P22 yang disediakan oleh penama Hairulsyam. Beliau turut mengesahkan bahawa penama adalah pegawai sains yg bertugas di Bahagian Narkotik Pusat Analisis Sains Forensik Jabatan Kimia di mana penama telah meninggal dunia pada 3/4/2022. tersebut telah meninggal dunia 3/4/2022. Analisa kimia terhadap barang kes yang telah dihantar ke Jabatan Kimia mendapati barang kes mengandungi dadah heroin dan monoacetylmorphines, cannabis dan methamphetamine.

Beban Pembuktian Di Akhir Kes Pendakwaan

[5] Di akhir kes pendakwaan, adalah tanggungjawab pihak pendakwaan untuk membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT. Tugas mahkamah pula ialah untuk membuat penilaian secara maksima semua keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan dan setelah penilaian ke atas keterangan saksi-saksi tersebut termasuk aspek kebolehpercayaan atau kredibiliti saksi-saksi, mahkamah hendaklah bertanya soalan sama ada sekiranya mahkamah memanggil OKT untuk membela diri dan jika OKT memilih untuk mendiadakan diri adakah mahkamah bersedia untuk menyabitkan OKT berdasarkan kepada keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Sekiranya mahkamah tidak berada dalam kedudukan untuk berbuat demikian maka pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT. Oleh yang demikian, OKT berhak dilepaskan dan bebaskan. Mahkamah merujuk kepada kes-kes; (*LOOI KOW CHAI & ANOR V. PP* [2003] 1 CLJ 734; *BALACHANDRAN V. PP* [2005] 1 CLJ 85; *PP V. MOHD RADZI ABU BAKAR* [2006] 1 CLJ 457).

Elemen-Elemen Pertuduhan

[4] Merujuk kepada [Seksyen 12\(2\) Akta Dadah Berbahaya \(ADB\) 1952](#) yang memperuntukkan kesalahan memiliki dadah seperti berikut;

(2) *No person shall have in his possession, custody or control any dangerous drug to which this Part applies unless he is*

authorized to be in possession, custody or control of such drug or is deemed to be so authorized under this Act or the regulations made thereunder.

Maka berdasarkan [seksyen 12\(2\)](#) tersebut, elemen-elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah:

- a) OKT mempunyai milikan terhadap dadah berbahaya sepertimana yang dipertuduhkan; dan
- b) Dadah yang dimiliki terkandung dan disenaraikan di dalam ADB 1952

Bagi elemen pertama pihak pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen berikut bagi membuktikan milikan dadah:

- i. Samada OKT mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah tersebut; dan
- ii. Samada OKT mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan dadah tersebut.

Dapatan dan Analisis Mahkamah

A. SAMADA OKT MEMPUNYAI MILIKAN TERHADAP DADAH BERBAHAYA SEPERTIMANA YANG DIPERTUDUHKAN;

[5] Bagi pembuktian milikan dadah, mahkamah merujuk kepada kes *PP V. MUHAMMAD NASIR SHAHRUDIN [1994] 2 MLJ 576* yang memutuskan bahawa:

Possession is not defined in the DDA. However, it is now firmly established that to constitute possession, it is necessary to establish that: (a) the person had knowledge of the drugs; and (b) that the person had some form of control or custody of the drugs. To prove either of these two requirements, the prosecution may either adduce direct evidence or it may rely on the relevant presumptions under s 37 of the DDA.

Berdasarkan otoriti di atas, pihak pendakwaan perlu membuktikan elemen-elemen berikut bagi membuktikan milikan dadah:

- iii. Samada OKT mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah tersebut; dan
- iv. Samada OKT mempunyai pengetahuan mengenai kewujudan dadah tersebut.

[6] Dalam kes *CHAN PEAN LEON v. PP [1956] 1 MLJ 237* mahkamah telah memberikan penjelasan terbaik berkenaan prinsip milikan (possession) yang mana ianya adalah berkaitan dengan konsep kawalan, jagaan dan pengetahuan sepertimana telah dijelaskan seperti berikut:

To put it otherwise, there is physical element and mental element which must be present before possession is made out. The accused must not only be so situated that he can deal with the thing as if it belonged to him, for example have it in his pocket or have it lying in front of him on the table. It must be shown that he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so, or in other words, that he had some animus possendi. Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from the surrounding circumstances.

Whether these surrounding circumstances make out such intention is a question of fact in each individual case.

Samada OKT mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah tersebut;

[7] Mahkamah berpendapat keterangan SP1 yang merupakan ketua serbuan yang bertanggungjawab menangkap dan menjalankan pemeriksaan terhadap OKT adalah amat penting bagi pembuktian elemen ini. Berdasarkan keterangan SP1, mahkamah mendapati OKT dan suspek B1 (selepas ini dikenali sebagai Faiz) ditangkap dalam suatu serbuan di tempat kejadian iaitu sebuah rumah teres setingkat – gambar tempat kejadian P6a. SP1 mengesahkan beliau dan pasukan memasuki ke bahagian dalam rumah melalui pintu di tandaan Z rajah kasar-P14.

[8] Hanya OKT sahaja ditangkap di dalam rumah tersebut di bahagian ruang tamu – gambar P6d di mana OKT sedang duduk di atas katil di tandaan X gambar d- P6 semasa ditahan yang mana SP1 telah menjumpai 1 beg kecil

berzip warna merah di tandaan Y gambar d- P6 (rujuk gambar barang kes- P13). Pemeriksaan fizikal ke atas OKT tidak menjumpai apa-apa barang salah. Mahkamah juga mendapati keterangan ini konsisten dengan laporan polis – P3 yang dibuat oleh SP1.

[9] Akan tetapi menurut keterangan SP2 yang merupakan anggota serbuan adalah seperti berikut:

Sampai kami buat pemerhatian dalam 2-3 minit. Kawasan luar rumah gelap tetapi pemandangan masih dapat tengok. Kami nampak kelibat 1 lelaki di tembok dalam kawasan luar rumah.

Seterusnya Insp Amir dan saya, panjat tembok dan kemudian tahan lelaki yang ada di Kawasan rumah tersebut. Kedudukan anggota lain di luar tembok tunggu di luar menunggu arahan masuk.

[10] Fakta yang tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak bahawa Faiz adalah ditahan terlebih dahulu yang mana ketika itu sedang berdiri di kawasan rumah tersebut di hadapan pintu bahagian sebelah tepi rumah. Namun, SP1 tidak dapat mengesahkan Faiz ini telah datang dari arah mana kerana tiada intipan sebelum serbuan. Namun, SP1 dan SP2 mengesahkan pintu rumah yang dimasuki mereka adalah tidak berkunci namun tertutup.

[11] Selanjutnya menurut keterangan SP2 apabila beliau dan SP1 telah memasuki ke bahagian dalam rumah:

Kami masuk dari pintu bahagian tepi rumah. Dapur rumah terang kerana lampu terbuka. Kami menuju ke ruang tamu rumah, sewaktu ke ruang tamu rumah Kawasan gelap kerana lampu tutup. Insp Amir yang mula masuk ke dalam rumah. Jarak 10 langkah dr pintu masuk dapur ke ruang tamu rumah.

Hasil pemeriksaan di ruang tamu ada satu katil dan ada 1 lelaki melayu berada atas katil, buka lampu dan kenalkan diri dan kemudian buat pemeriksaan.

Keadaan lelaki melayu tersebut sedang baring di atas katil. Hasil pemeriksaan ke atas lelaki itu, tidak jumpa barang salah di badannya. Kami periksa katil jumpa 1 beg. Beg kecil berwarna hitam putih merah jambu dan biru. Jarak beg yang dijumpai dengan lelaki tersebut dalam 1 jengkal, memang betul dekat. Pemeriksaan atas katil dilakukan oleh Insp Amir. Semasa pemeriksaan katil dilakukan jarak antara kami bertiga adalah dalam 1 langkah, memang dekat. Pencahayaan terang.

[12] Berdasarkan keterangan SP1 dan SP2 ini mahkamah mendapati terdapat percanggahan keterangan seperti berikut:

1. Sama ada wujud intipan /pemerhatian beberapa minit sebelum serbuan dilakukan ke rumah tersebut
2. Keberadaan OKT sama ada sedang duduk atau baring di atas katil sepertimana gambar P6d

Berdasarkan keterangan SP1 dan SP2 mahkamah mendapati terdapat keserasian keterangan seperti berikut:

1. Beg kecil berisi barang disyaki dadah berada amat berdekatan dengan OKT di atas katil sepertimana dalam gambar P6d.
2. Faiz ditahan berdekatan dengan pintu sepertimana dalam gambar P6b dan tandaan Z rajah kasar dan pintu tersebut adalah tidak berkunci.
3. SP1 dan SP2 tidak pasti sama ada Faiz datang dari arah mana.

[13] Maka persoalan timbul, adakah berdasarkan keterangan-keterangan SP1 dan SP2 tersebut jelas mampu membuktikan bahawa OKT mempunyai milikan, kawalan dan penjagaan ke atas barang kes dadah yang terkandung dalam beg kecil berzip tersebut serta berkuasa penuh untuk menguruskan barang kes tersebut? Mahkamah mendapati keterangan kukuh daripada SP3 iaitu pemilik rumah tersebut yang telah menyewakan rumah tersebut kepada SP5 yang mana SP5 adalah isteri OKT pada setiap masa yang material dan sehingga kini. Oleh itu, Mahkamah mendapati bahawa OKT adalah salah seorang penghuni rumah dan mempunyai akses ke atas rumah tersebut bagi menunjukkan bahawa OKT mempunyai kaitan dengan tempat kejadian pada bila-bila masa. Akan tetapi kedua- dua saksi ini tidak pasti siapa yang keluar masuk rumah tersebut pada hari kejadian berlaku. Malah situasi ini lebih buruk apabila percanggahan keterangan SP1 dan SP2 sama ada intipan /pemerhatian dijalankan sebelum mereka melakukan serbuan ke atas rumah tersebut. Hal ini penting untuk dipertimbangkan dengan cermat kerana fakta penting terdapat penahanan penama Faiz di kawasan rumah berdekatan pintu masuk meskipun bukan di bahagian dalam rumah tersebut ketika serbuan dilakukan. Timbul persoalan adakah Faiz hadir

dari arah bahagian dalam rumah? Mahkamah berpendapat jika ada intipan dilakukan sebelum serbuan, pergerakan keluar masuk rumah mampu dilihat oleh pasukan serbuan kerana kedua-dua saksi ini mengesahkan penahanan Faiz di kawasan rumah berhampiran pintu laluan masuk ke bahagian dalam rumah.

[14] Mahkamah berpendapat, situasi atau gambaran kejadian kes ini adalah berbeza apabila sekiranya OKT mempunyai milikan fizikal ke atas beg kecil berzip tersebut pada masa kejadian serbuan. Naratif kes pendakwaan adalah beg kecil berzip yang mengandungi dadah telah dijumpai berada amat berdekatan dengan OKT dalam sebuah rumah di bahagian ruang tamu di atas sebuah katil yang tidak mempunyai tilam malah ketika serbuan ke atas rumah tersebut terdapat individu lain yang berada di luar rumah berdekatan dengan pintu masuk yang digunakan SP1 dan SP2 untuk memasuki ke bahagian dalam rumah.

[15] Berdasarkan keterangan -keterangan SP1 dan SP2 tersebut, Mahkamah kini perlu berhati-hati kerana mungkin dadah tersebut diletakkan mahupun dimiliki oleh orang lain kerana terdapat kemungkinan yang sangat besar ruang tamu tersebut boleh diakses oleh mana-mana orang. Mahkamah mendapati sewaktu OKT ditahan merujuk kepada Borang Bongkar – P4, terdapat 2 unit telefon bimbit (barangan peribadi) – P12 (a-b) yang dirampas oleh SP1. Sungguhpun begitu, SP1 tidak dapat mengesahkan siapakah pemilik 2 unit telefon bimbit tersebut dan mengakui hanya meletakkanya di bawah kolom “tempat dijumpai” pada OKT tersebut sahaja. Jelas terbit keraguan munasabah seperti mungkin ada individu lain selain OKT yang boleh keluar masuk rumah tersebut dengan bebas pada masa kejadian berlaku termasuk individu bernama Faiz.

[16] Memburukkan lagi kes pendakwaan atas isu ini, mereka tidak memanggil Faiz memberikan keterangan bagi menutup kelompangan tersebut sekaligus berkemungkinan boleh mengecualikan orang lain daripada dadah yang dijumpai dalam beg kecil berzip tersebut. Mahkamah tidak menafikan bahawa pihak pendakwaan mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan saksi yang perlu dipanggil dalam sesuatu perbicaraan. Akan tetapi, Mahkamah masih mempunyai kuasa untuk menentukan kelompangan kes pendakwaan akibat kegagalan pihak pendakwaan memanggil mana-mana saksi. Dalam hal ini tiada sebarang alasan kukuh dikemukakan di hadapan Mahkamah yang menunjukkan pihak pendakwaan mengalami kesukaran untuk memanggil Faiz. Oleh itu, Mahkamah berpendapat bahawa kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil Faiz sebagai saksi pendakwaan semestinya akan menimbulkan suatu *adverse inference* dan menyebabkan kelompangan dalam kes pendakwaan. Maka, Mahkamah ini menggunakan peruntukan **Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950** di atas kegagalan pihak pendakwaan tersebut.

[17] Selanjutnya, adalah tidak sempurna sekiranya Mahkamah ini tidak meneliti keterangan SP6 iaitu pegawai penyiasat. Mahkamah mendapati antara siasatan penting yang dilakukan adalah pergi ke tempat kejadian pada 26/12/2019 bersama jurufoto- SP4, membuat siasatan berkenaan pemilikan rumah tempat kejadian dan turut merakam percakapan beberapa saksi termasuk pengadu, saksi polis dan saksi awam dan menyimpan selamat dan menghantar barang kes dadah ke Jabatan Kimia pada 30.12.2019.

[18] Berdasarkan keterangan SP6, laluan masuk SP1 dan pasukannya adalah melalui pintu di tandaan Z pada rajah kasar – P14 sebelum tangkapan dibuat ke atas Faiz. Lokasi penemuan beg kecil berzip yang mengandungi barang kes dadah tersebut dijumpai atas sebuah katil di ruang tamu seperti pada gambar P6d dan sepertimana di tandaan X pada rajah kasar – P14. Selanjutnya berdasarkan keterangan SP6 ini juga Mahkamah ini tidak mampu membuat dapatan sama ada pemerhatian ada dibuat sebelum serbuan, kerana percanggahan keterangan SP2 dan SP1 berkenaan pekar ini adalah gagal dijelaskan melalui siasatan sempurna SP6 kerana pada setiap masa yang material, SP1 adalah ketua serbuan, SP2 adalah hanya anggota serbuan dan jawapan SP6 yang tidak bersetuju tiada pemerhatian dijalankan adalah hanya semata penafian yang gagal dibuktikan.

[19] Mahkamah mendapati tiada siasatan sempurna yang dilakukan oleh SP6 ke atas Faiz. Ini adalah berdasarkan keterangan semasa pemeriksaan balas:

s		Kedua-dua pintu pagar ini tidak berkunci pada malam tersebut
j		Setuju
s		Berkenaan penangkapan penama B1, di mana B1 ini ditangkap

Pendakwa Raya Iwn Muhammad Bakruruzi bin Mohamed Rani [2024] MLJU 3326

j		Kawasan laman tepi rumah
s		B1 ditangkap di dalam kawasan rumah
j		Setuju
s		B1 ditangkap di hadapan pintu sisi masuk rumah
j		Tidak setuju
s		Rujuk P3, baris ke-enam "satu lelaki suspek B1 yang sedang berdiri di hadapan pintu di bahagian sebelah kanan " setuju yang B1 ditangkap di hadapan pintu di sebelah sisi rumah
j		Setuju
s		Pintu dimana B1 berada tersebut tidak berkunci
j		Betul
s		Ada siasatan arah perjalanan B1 ini dari mana ke mana sebelum sampai ke pintu sisi rumah
j		Tidak pasti
s		B1 ini pergerakan dia dr dalam rumah ke luar rumah sebelum ditangkap oleh anggota serbuan
j		Tidak pasti
s		Awak ada tangkap B1 dan soal siasat juga
j		Ya
s		Ada siasat yang B1 ada parking motor di luar premis
j		Tidak pasti

s		B1 selalu datang ke premis kejadian
j		Tidak ingat dan tidak pasti
s		B1 ini ada dituduh di mahkamah untuk kes urine
j		Setuju
s		Pertuduhan tersebut datang / berdasarkan fakta dia ditangkap pada 24/12/2019
j		Setuju
s		Sila jelaskan berkenaan kes tersebut secara ringkas
j		Urine B1 positif dan diberi jamin. Kesnya di mahkamah saya tidak pasti
s		Ada kemungkinan pada malam tersebut B1 juga ada masuk ke dalam rumah tersebut dan meletakkan dadah-dadah atas katil bertanda 'X'
j		Tidak setuju

[20] Mahkamah berpendapat keterangan SP6 sebagai individu yang menyiasat kes ini adalah amat penting bagi merungkai beberapa persoalan yang ditinggalkan melalui keterangan SP1 selaku ketua serbuan. Hal ini kerana SP1 mengesahkan semasa pemeriksaan balas, tiada pengakuan milikan barang kes dadah yang dilakukan oleh kedua-dua tangkapan pada hari kejadian, malah rampasan barang peribadi seperti 2 unit telefon bimbit juga adalah tidak diketahui milik siapa. Kedua-dua barang kes ini adalah dijumpai di atas katil dan bukan pada setiap masa yang material dijumpai pada tubuh badan OKT. Malah, Mahkamah mendapati katil tersebut adalah tidak bertilam dan kedudukannya adalah di ruang tamu rumah tersebut rujukan silang kepada tandaan X rajah kasar – P14 dan gambar tempat kejadian – P6d, sudah pasti ia terbuka kepada ahli keluarga OKT mahupun orang luar yang hadir ke rumah tersebut atas apa jua urusan.

[21] Undang-undang mantap mengariskan bahawa jarak yang dekat semata-mata kepada beg yang mengandungi barang kes dadah dalam keadaan apa sekalipun tidak boleh disamakan dengan jagaan atau kawalan yang mana ia harus dibuktikan selanjutnya. Mahkamah merujuk kepada penghakiman Mahkamah Rayuan kes *ROSAN HANAPI V PP* [2015] 6 CLJ 464:

[15] In the absence of evidence direct or indirect that it was the appellant who put the bag under the table or that it was put there on his instruction, evidence of his close proximity to the drug is neither here nor there, given the fact that the store was accessible to family members of the second accused and even to the public.

[22] Mahkamah berpendapat Pegawai Penyiasat yang menjalankan siasatan sesuatu kes jenayah perlu mempunyai sifat jujur, rajin dan adil dalam setiap pendekatan siasatan yang dijalankan. Kecuaian SP6 dalam menjalankan siasatan sama ada disengajakan atau tidak disengajakan boleh memudaratkan kes pihak pendakwaan dan memprejudiskan OKT. Terdapat banyak kelemahan siasatan yang telah dilakukan oleh SP6. Antaranya, Mahkamah mendapati SP6 tidak pasti dengan bukti kukuh bagaimana Faiz juga boleh ditangkap pada

serbuan yang sama berdasarkan kecelaruan keterangan beliau sendiri semasa pemeriksaan balas seperti yang dinyatakan di perenggan [19].

[23] Seterusnya, SP6 juga gagal menjelaskan di Mahkamah bagaimana melalui siasatan beliau mendapati beg kecil berzip adalah benar milik OKT kerana pada pendapat Mahkamah wujud keraguan munasabah sama ada beg tersebut diletakkan di atas katil tersebut ketika OKT sedang tidur kerana SP2 nampak OKT sedang baring dan keadaan ruang tamu adalah samar dan perlu bantuan pencahayaan lampu. Manakala SP1 melihat OKT sedang duduk dan tidak tidur, sudah pasti OKT pasti bertindak membuang/ menyembunyikan barang kes dadah yang berada amat hampir dengan OKT dan mustahil pada ketika itu OKT tidak sedar akan kehadiran individu lain selain Faiz di luar rumah kerana Faiz ditangkap terlebih dahulu di pintu tersebut. Mahkamah berpendapat, jika SP6 melakukan siasatan sempurna dengan membawa OKT dan Faiz ke tempat kejadian bagi membuat uji cuba situasi serbuan pada hari kejadian, mahkamah amat yakin beliau dapat memastikan siapakah sebenarnya pemilik barang kes dadah tersebut, sama ada milik OKT atau Faiz atau sebenarnya kedua-dua mereka. Malang sekali, kecacatan siasatan SP6 telah menyebabkan keraguan munasabah ini harus diberikan kepada OKT. Keterangan SP6 diperturunkan seperti berikut:

s		Berdasarkan siasatan, macam mana inps yakin beg ini milik OKT
j		Berdasarkan keterangan daripada pengadu, saksi polis, dan juga barang rampasan dan siasatan saya di tempat kejadian
s		Semasa OKT ditangkap barang ini tidak berada di badan OKT, di poket atau di baju
j		Tidak setuju. Barang berada berdekatan tempat suspek ditahan
s		Barang tersebut tidak ada di badan OKT, di poket baju, poket seluar atau stokin
j		Betul
s		Ketika OKT ditahan, OKT sedang tidur di atas katil yang ditanda 'X'
j		Tidak setuju
s		OKT sedar sewaktu serbuan
j		betul

[24] Selanjutnya, Mahkamah berpendapat sepertimana dibincangkan di atas, keterangan saksi-saksi pendakwaan gagal mengimplikasikan OKT dengan pertuduhan dengan kukuh, maka analisa DNA dan pengesahan cap jari pada beg kecil berzip dilihat wajar dalam membantu pihak pendakwaan untuk membuktikan elemen milikan dan kawalan oleh OKT ke atas dadah yang dijumpai di dalamnya. Akan tetapi, SP6 telah menyatakan bahawa beliau tidak menjalankan analisa-analisa tersebut. Manakala bagi 2 unit telefon bimbit – P12 (a-b) pula dirampas daripada OKT tanpa Mahkamah ini diberitahu berkenaan status milikan kedua-dua peranti tersebut setelah siasatan dilakukan.

Mahkamah berpendapat jika siasatan ini dilakukan sudah pasti amat membantu kes pendakwaan dalam menghubungkan barang kes dadah yang dijumpai tersebut dengan OKT tanpa sebarang keraguan munasabah.

[25] Berdasarkan dapatan Mahkamah seperti dihuraikan di atas, Mahkamah mendapati bahawa OKT tidak mempunyai milikan, kawalan dan penjagaan ke atas barang kes dadah yang terkandung dalam beg kecil berzip tersebut mahupun berkuasa penuh untuk menguruskan barang kes tersebut. Fakta bahawa beg tersebut adalah berdekatan dengan OKT tidak boleh disamakan dengan penjagaan atau kawalan. Ia mesti selanjutnya ditunjukkan bahawa OKT sama ada mempunyai penjagaan fizikal beg itu atau penguasaan ke atas beg itu.

[26] Mahkamah ini juga sentiasa mengambil perhatian dengan apa yang telah ditekankan oleh Hakim Roslan Mat Nor dalam penghakiman kes *PP V. TAN CAR CHUN & SATU LAGI* [2023] 1 LNS 2345 seperti berikut:

[5] Adalah sesuatu yang penting ditekankan bahawa keghairahan untuk menyelesaikan sesuatu kes yang lama seperti ini tidak boleh mengenyepikan prinsip undang-undang dengan semata-mata untuk menggambarkan penampilan statistik penyelesaian yang meyakinkan. Begitu juga mahkamah tidak boleh memanggil OKT-OKT untuk membela diri semata-mata bagi mendengar versi pembelaan sedangkan satu kes prima facie telah tidak berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Ini adalah merupakan tonggak utama dalam pentadbiran keadilan jenayah yang perlu ditegakkan dan dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Berdasarkan perbincangan di atas, maka elemen pertama pertuduhan gagal dibuktikan tanpa keraguan munasabah. Pada peringkat ini, Mahkamah ini tidak bercadang untuk membincangkan berkenaan elemen kedua pertuduhan.

PENUTUP

[27] Bersandarkan kepada alasan-alasan Mahkamah ini yang dihuraikan di atas dan menggunakan prinsip penilaian secara maksima, mahkamah ini memutuskan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes prima facie terhadap OKT tanpa keraguan munasabah terhadap kesemua pertuduhan, maka OKT dilepaskan dan dibebaskan.